

19 OCT 2000

Mahathir-Asem

DR MAHATHIR TIBA DI SEOUL UNTUK HADIRI ASEM

OLEH: E.Sivabalan

SEOUL, 19 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir tiba di sini malam ini untuk menghadiri Mesyuarat Asia-Eropah ketiga yang bermula esok.

Perdana Menteri diiringi isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Dr Mahathir dijadual mengunjungi Presiden Korea Selatan Kim Dae-jung malam ini.

Mesyuarat dua hari ini dihadiri oleh ketua-ketua negara atau ketua kerajaan selain wakil-wakil tertinggi dari 10 negara Asia, 15 negara Eropah dan Suruhanjaya Eropah (EC).

Tujuh daripada negara Asia itu adalah anggota Asean manakala tiga lagi ialah China, Jepun dan Korea Selatan. Negara-negara Asean berkenaan ialah Brunei, Indonesia, Malaysia, Filipina, Singapura, Thailand dan Vietnam manakala tiga lagi anggota Asean Kemboja, Laos dan Myanmar bukan anggota Asem.

Wakil Eropah ialah Austria, Belgium, Denmark, Finland, Perancis, Jerman, Greece, Ireland, Itali, Luxembourg, Belanda, Portugal, Sepanyol, Sweden, United Kingdom dan EC.

Selepas saja upacara perasmian esok, pemimpin-pemimpin akan mengadakan sesi tertutup pertama untuk membincangkan tajuk "Menggalakkan Dialog Politik".

Ketua Setiausaha Kementerian Luar Datuk Abdul Kadir Mohamad berkata pemimpin-pemimpin itu akan mengkaji semula keadaan keselamatan serantau, peranan Bangsa-bangsa Bersatu dan isu globalisasi.

Pada jamuan tengah hari, para pemimpin itu akan meluluskan Rangka Kerja Kerjasama Asia Eropah (AECF) 2000, satu dokumen yang mengandungi garis panduan bagi proses Asem dalam alaf baru ini.

Selepas itu, mereka akan meneruskan perbincangan tertutup dalam sesi kedua bagi mencari jalan mengukuhkan kerjasama dalam semua bidang.

Pada Sabtu pula, para pemimpin itu akan mengadakan sesi tertutup ketiga dan terakhir.

Selain AECF, dua lagi dokumen dijangka diterima pada Asem ketiga ini.

Kenyataan Pengerusi meliputi perkembangan di kedua-dua rantau itu, menggalakkan dialog politik, mengukuhkan kerjasama dalam sektor ekonomi dan kewangan serta menggalakkan kerjasama dalam bidang lain seperti sosial dan kebudayaan.

Deklarasi Seoul bagi Keamanan Semenanjung Korea akan mengesahkan sokongan rakan-rakan dalam Asem terhadap hasil Sidang Kemuncak Sesama Korea dan pelaksanaan Deklarasi Bersama.

Dr Mahathir dijangka mengadakan perbincangan dua hala dengan Presiden EC Romano Prodi dan Perdana Menteri Luxembourg Jean-Claude Juncker.

Perdana Menteri dijangka pulang ke tanah air pada Sabtu.

Dr Siti Hasmah dan isteri pemimpin-pemimpin lain mempunyai atur cara tersendiri seperti melawat istana Dinasti Choson dan melihat kebudayaan Korea di Changdok.

-- BERNAMA

ES AHH MAI